

Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menubuhkan Klinik Bantuan Guaman Syariah dan Undang-undang bagi menyalurkan maklumat dan khidmat nasihat berkaitan undang-undang sivil dan syariah kepada orang ramai.

Penubuhan klinik di bawah Fakulti Syariah dan Undang-undang itu turut menyediakan peluang kepada pelajar jurusan undang-undang universiti berkenaan mendapat pendedahan awal berkaitan isu perundangan.

Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-undang USIM, Dr Muzaffar Syah Mallow, berkata menerusi klinik itu, pelajar didedahkan dengan realiti dunia perundangan sebenar termasuk prosedur dan proses dalam sistem perundangan selain memberi khidmat nasihat guaman kepada

mereka yang memerlukan.

Kongsi kepakaran

Katanya, kepakaran dengan pensyarah berpengalaman akan dikongsi bersama pelajar dan orang ramai bagi membolehkan segala masalah yang diutarakan orang

ramai dapat diselesaikan dengan berkesan.

"Operasi klinik juga akan dibantu beberapa pengamal undang-undang dan syariah serta badan bukan kerajaan (NGO) yang berpengalaman luas dalam bidang masing-masing.

"Urusan pentadbiran harian klinik bantuan guaman terbabit pula akan diuruskan pihak yang diamanahkan untuk menguruskan klinik terbabit dengan bantuan pelajar undang-undang USIM," katanya.

Beliau berkata, pende-

dahan secara praktikal yang diperoleh pelajar menerusi klinik itu dapat melatih mereka agar lebih berkeyakinan serta cekap mengendalikan sesuatu kes undang-undang sebagai persiapan mendepani dunia kerjaya kelak.



Dr Muzaffar



OPERASI KLINIK JUGA AKAN DIBANTU BEBERAPA PENGAMAL UNDANG-UNDANG DAN SYARIAH SERTA BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO) YANG BERPENGALAMAN LUAS DALAM BIDANG MASING-MASING"

Dr Muzaffar Syah Mallow, Pensyarah USIM.



Sebahagian daripada pelajar USIM yang mendapat pendedahan latihan berkaitan isu perundangan di Klinik Bantuan Guaman Syariah dan Undang-undang.

Belia perlu bijak cari kerja

Butterworth: Golongan belia perlu bijak mencari peluang kerjaya untuk memajukan diri dan sekaligus membantu mempertingkatkan ekonomi negara, kata Ahli Parlimen Tasek Gelugor, Datuk Shabudin Yahaya.

Dalam konteks ini, beliau berkata, tahap kejayaan seseorang bukan diukur dari segi kelulusan akademik semata-mata, tetapi juga meliputi kegigihan usahanya ke arah penambahbaikan.

"Keputusan akademik hanyalah asas untuk memasuki dunia pekerjaan, namun banyak lagi kerjaya lain yang boleh diceburi berdasarkan pengalaman dan kecekapan dimiliki.

Bantu masyarakat

"Sesiapa pun perlu bijak mencari

peluang dan berikhtiar mendapatkan jawatan bersesuaian dengan kelayakan yang ada," katanya ketika berucap merasmikan Bulan Kerjaya Membara Membantu Rakyat anjuran Parlimen Tasek Gelugor di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Desa Murni di sini, baru-baru ini.

Shabudin berkata, program itu dapat dijadikan medium utama membantu masyarakat setempat melalui pelbagai aktiviti yang dilaksanakan setiap bulan.

"Bulan ini, tema kerjaya ditekankan dan promosi dijalankan dengan bantuan organisasi kerajaan dan juga swasta yang menawarkan peluang pekerjaan.

"Usaha ini akan diteruskan dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan di sini," katanya.



Shabudin (kiri) melawat gerai pameran selepas merasmikan Bulan Kerjaya Membara Membantu Rakyat di SMK Desa Murni.